

19/02/1998

Malaysia sokong kerjasama atasi krisis Iraq

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia menyokong kerjasama Perancis, Russia dan China dalam mencari penyelesaian diplomatik bagi memastikan Iraq mematuhi resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata langkah itu seharusnya membantu mempercepatkan penarikan sekatan terhadap negara berkenaan.

"Pada masa yang sama, Malaysia mengulangi pendirian untuk menolak tindakan ketenteraan kerana ia tidak mencapai objektif yang ditetapkan.

"Malah, perlu ada usaha untuk mencari penyelesaian diplomatik secara berterusan," katanya ketika membaca kenyataan pada sidang media, di sini hari ini.

Abdullah berkata, jika serangan itu diteruskan, ia mungkin merosakkan alam sekitar selain menjejaskan keseimbangan politik dan keselamatan.

Katanya, Malaysia juga memandang positif idea yang terkandung dalam daya usaha Presiden Perancis, Jacques Chirac yang disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi sepucuk surat peribadi yang diserahkan oleh utusan khas Chirac, Denis Bauchar, semalam.

(END)